



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN

### **HARI MALAYSIA ADALAH MASA UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN**

Saya dan seluruh tenaga kerja Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia ke-61 kepada semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat adalah satu titik sejarah yang amat penting. Hari Malaysia memberi makna besar kepada rakyat kerana ia adalah detik penting yang menyatukan rakyat di ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan keturunan. Kini, Malaysia merupakan rumah kepada lebih 80 etnik dan bangsa. Kita adalah satu-satunya negara yang kaya dengan khazanah budaya, bahasa, dan tradisi dari pelbagai etnik, agama, dan latar belakang. Dalam kepelbagaian ini, kita menemukan kekuatan dan keindahan yang menjadikan Malaysia unik di mata dunia.

Kini sudah lebih 6 dasawarsa, negara tercinta Malaysia ditubuhkan, kini tiba masa generasi muda hayati dan meneruskan legasi negara tercinta ini. Sambutan Hari Malaysia adalah masa untuk kita mengukuhkan perpaduan dalam kalangan kita. Dalam dunia yang semakin kompleks, perpaduan dan keharmonian adalah kunci kepada kejayaan. Generasi muda, jadilah agen perubahan yang memupuk semangat perpaduan demi Malaysia yang aman sejahtera.

Marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat Hari Malaysia ini dengan penuh rasa bangga dan cinta terhadap negara kita. Sambutlah hari ini dengan tekad untuk terus berusaha memajukan Malaysia, menjaga perpaduan, dan memelihara identiti negara kita yang kaya dan berharga ini.

Selamat Menyambut Hari Malaysia ke-61.

Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka!

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**  
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**15 SEPTEMBER 2024**